

MODEL ENAM BULAN

KONSEP DAN PANDUAN PELAKSANAAN

TAKRIF

Model 6 Bulan Khatam al-Quran ialah program yang menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran pada 6 bulan pertama tahun satu dan aspek khatam al-Quran pada 6 bulan pertama tahun 2 hingga tahun 6

OBJEKTIF

- **Murid dapat membaca al Quran dengan bertajwid.**
- **Murid dapat menghatamkan bacaan al-Quran 30 juzuk.**

KUMPULAN SASARAN

Semua murid beragama Islam tahun 2 hingga tahun 6 sekolah rendah.

TEMPOH PELAKSANAAN

- Murid tahun dua hingga tahun 6 akan mengikuti aktiviti Model 6 Bulan Khatam Al-Quran selama 6 bulan pertama setiap tahun. Bagi bulan berikut dan seterusnya mereka akan mengikuti kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan pelajaran sedia ada.

PERUNTUKAN WAKTU

Pengajaran dan pembelajaran berfokus kepada Tilawah al-Quran selama 6 bulan mulai Januari hingga Jun dengan peruntukan masa empat kali seminggu. Dua waktu selebihnya digunakan untuk program Asas Ulum Syariah dan Jawi.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran:

- i. Semua murid membaca al-Quran menggunakan mushaf Rasm Uthmani
- ii. Setiap murid membaca al-Quran mengikut kaedah talaqqi dan musyafahah.
- iii. Proses talaqqi dan musyafahah di dalam kelas dikendalikan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengajar dengan dibantu oleh sekurang-kurangnya seorang guru pembimbing yang boleh terdiri daripada GPI lain, guru akademik biasa, pentadbir sekolah, kakitangan sekolah dan murid terus.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran:

- iv. Merekod bacaan setiap murid di dalam Buku Rekod Bacaan al-Quran masing-masing.
- v. Panduan proses P&P boleh dirujuk dari Contoh ***Modul Pengajaran dan Pembelajaran Model 6 Bulan.***
- vi. Murid yang tidak menguasai bacaan al-Quran hendaklah meneruskan pembelajaran dengan menggunakan kaedah Iqra'.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran:

- iv. Aktiviti-aktiviti pemulihan seperti kelas pemulihan atau kem al-Quran perlu diadakan kepada murid yang tidak dapat membaca (ummi) al-Quran.

KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Model 6 Bulan Khatam Al-Quran menekankan penggunaan kaedah talaqqi dan musyafahah. Kaedah ini dilaksanakan melalui proses berikut:

- a. Murid mendengar bacaan contoh dari guru.
- b. Murid membaca dengan bimbingan guru, pembimbing/murid turus.
- c. Guru, pembimbing/murid turus membetulkan bacaan murid.
- d. Guru, pembimbing/murid turus mengesahkan bacaan murid dengan memberikan pujian atau mengiayakan.

AGIHAN TUGAS

Guru Besar bertanggungjawab;

- menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana peringkat sekolah.
- mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan projek.
- mengeluarkan surat pelantikan kepada guru pembimbing.
- memberi taklimat kepada ibu bapa/penjaga dan guru pembimbing murid yang terlibat.
- memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- memantau pelaksanaan Model Tasmik.
- mengesahkan laporan yang dibuat oleh guru dan dihantar ke JPN.

AGIHAN TUGAS

Ketua Panitia Pendidikan Islam bertanggungjawab;

- bertindak sebagai setiausaha jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah.
- mengadakan mesyuarat dan perbincangan bagi mencari Guru Pembimbing.
- bekerjasama dengan Guru Pendidikan Islam menyediakan
- keperluan pelaksanaan projek.
- menyemak laporan yang dibuat oleh guru mata pelajaran.

AGIHAN TUGAS

Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab;

- mengenal pasti dan mengumpul data guru pembimbing al-Quran seperti nama, alamat serta masa untuk membimbing murid.
- semua murid yang terlibat dengan projek ini perlu ditentukan pembimbingnya.
- menjadi penilai serta membuat pengesahan dalam rekod bacaan murid seminggu sekali.
- menentukan pencapaian murid dan dicatatkan dalam Buku Rekod Bacaan.
- memaklumkan sebarang masalah murid dan pembimbing kepada jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah.
- membuat laporan dengan mengisi borang pencapaian al-Quran seperti lampiran.

AGIHAN TUGAS

Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab;

- mengenal pasti dan mengumpul data guru pembimbing al-Quran seperti nama, alamat serta masa untuk membimbing murid.
- semua murid yang terlibat dengan projek ini perlu ditentukan pembimbingnya.
- menjadi penilai serta membuat pengesahan dalam rekod bacaan murid seminggu sekali.
- menentukan pencapaian murid dan dicatatkan dalam Buku Rekod Bacaan.
- memaklumkan sebarang masalah murid dan pembimbing kepada jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah.
- membuat laporan dengan mengisi borang pencapaian al-Quran seperti lampiran.

AGIHAN TUGAS

Guru Pembimbing bertanggungjawab;

- membantu dan membimbing murid sehingga khatam al-Quran.
- mencatat setiap kali bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan.
- mengenalpasti kelemahan dan membuat pemulihan.
- memaklumkan kepada guru penilai sebarang masalah yang timbul.

PENILAIAN

- Penilaian ringkas perlu dilakukan secara mingguan kepada murid bagi mengesahkan murid tersebut benar-benar menguasai bacaan yang direkodkan oleh guru pembimbing.
- Penilaian secara menyeluruh hendaklah dilakukan di akhir tahun bagi menentukan tahap pencapaian bacaan al-Quran setiap individu.